I

SEJARAH RINGKAS IMAM SYAFI'I RAHIMAHULLAH

1. Tahun dan tempat lahir

Nama asli dari Imam Syafi'i adalah Muhammad bin Idris. Gelar beliau Abu Abdillah.

Orang Arab kalau menuliskan nama-nama biasanya mendahulukan gelar dari nama, sehingga berbunyi: Abu Abdillah Muhammad bin Idris.

Beliau lahir di Gazza, bahagian Selatan dari Palestina, pada tahun 150H. pertengahan abad yang kedua Hijriyah.

Ada ahli sejarah mengatakan bahawa beliau lahir di Asqalan, tetapi kedua perkataan ini tidak berbeza, kerana Gazza dahulunya adalah daerah Asqalan.

Kampung halaman Imam Syafi'i Rahimahullah bukan di Gazza Palestina, tetapi di Mekah (Hijaz). Ibubapa beliau datang ke Gazza untuk suatu keperluan. Tidak lama beliau lahir di situ.

Pada ketika beliau masih kecil bapanya meninggal di Gazza. Ia menjadi anak yatim yang hanya dibela oleh ibunya saja.

Sejarah telah mencatat, bahawa ada dua kejadian penting sekitar kelahiran Imam Syafi'i Rahimahullah iaitu:

1) Sewaktu Imam Syafi'i dalam kandungan, ibunya bermimpi bahawa sebuah bintang telah keluar dari perutnya dan terus naik membumbung ting-

gi, kemudian bintang itu pecah bercerai dan berserak menerangi daerah-daerah sekelilingnya.

Ahli mimpi mentadbirkan bahawa ia akan melahirkan seorang putera yang ilmunya akan meliputi seluruh jagat.

Sekarang menjadi kenyataan bahawa ilmu Imam Syafi'i Rahimahullah memang memenuhi dunia, bukan saja di tanah Arab, di Timur Tengah dan Afrika, tetapi juga sampai ke Timur Jauh, ke Indonesia, Malaysia, Thailand, Philipina dan lain-lain.

2) Sepanjang sejarah pada hari Imam Syafi'i Rahimahullah dilahirkan itu, meninggal dunia dua orang Ulama Besar, seorang di Baghdad (Iraq) iaitu *Imam Abu Hanifah Nu'man bin Thabit* (Pembangun Mazhab Hanafi) dan yang seorang lagi di Mekah, iaitu *Imam Ibnu Jurej al-Makky,* Mufti Hijaz ketika itu.

Kata orang dalam ilmu firasat hal ini adalah satu pertanda bahawa anak yang lahir ini akan menggantikan yang meninggal *dalam ilmu dan kepintarannya.* Memang firasat ini akhirnya terbukti dalam kenyataan.

2. Nenek moyang Imam Syafi'i Rahimahullah

Nenek moyang Imam Syafi'i Rahimahullah adalah:

Muhammad bin *Idris,* bin *Abbas,* bin *Uthman,* bin *Syafi',* bin *Saib* bin *Abu Yazid,* bin *Hashim,* bin *Abdul Muthalib,* bin *Abdul Manaf* bin *Qusyai.*

Abdul Manaf bin Qusyai yang menjadi nenek ke 9 dari Imam Syafi'i Rahimahullah, adalah *Abdul Manaf* bin *Qusyai* nenek yang ke 4 dari Nabi Muhammad s.a.w.

Nenek moyang Nabi Muhammad s.a.w. sebagai dimaklumi, adalah: *Muhammad* bin *Abdullah*, bin *Abdul Muthalib*, bin *Hasyim*, bin *Abdul Manaf*, bin *Qusyai*, bin *Kilab*, bin *Marah*, bin *Ka'ab*, bin *Luai* bin *Ghalib*, bin *Fihir*, bin *Malik*, bin *Nadhar*, bin *Kinanah*, bin *Quzaimah*, bin *Mudrikah*, bin *Ilias*, bin *Ma'ad*, bin *Adnan* sampai kepada *Nabi Ismail* dan *Nabi Ibrahim a.s.*

Teranglah dalam silsilah ini bahawa Imam Syafi'i Rahimahullah senenek-moyang dengan Nabi Muhammad s.a.w.

Ada pun dari pihak ibu: *Fatimah*, binti *Abdullah*, bin *Hasan*, bin *Husein* bin *Ali* bin *Abi Thalib r.a.*

Ibu Imam Syafi'i Rahimahullah adalah cucu dari cucu *Saidina Ali* bin *Abi Thalib*, menantu, sahabat Nabi dan Khalifah yang ke IV yang terkenal.

Sepanjang sejarah diketemukan, bahawa *Saib* bin *Abu Yazid*, nenek Imam Syafi'i yang ke 5 adalah sahabat Nabi Muhammad s.a.w.

Jadi, baik dipandang dari segi keturunan darah, maupun dipandang dari segi keturunan ilmu, maka Imam Syafi'i Rahimahullah yang kita bicarakan ini adalah karib kerabat dari Nabi Muhammad s.a.w.

Gelaran "SYAFI'I" dari Imam Syafi'i Rahimahullah diambil dari neneknya yang ke 4, iaitu *Syafi'i bin Saib*.

3. Kembali ke Mekah Al-Mukarramah

Setelah usia Imam Syafi'i Rahimahullah dua tahun, ia dibawa ibunya kembali ke Mekah Al-Mukarramah, iaitu kampung halaman beliau, dan tinggal di Mekah sampai dua puluh tahun, yakni sampai tahun 170H.

Dalam angka 20 ini terdapat perbezaan-perbezaan dalam cacatan sejarah, ada yang mengatakan sampai usia 13 tahun, ada yang menyatakan sampai usia 14 tahun, ada yang mengatakan sampai usia 20 tahun dan ada yang mengatakan sampai 22 tahun.

Tetapi penulis buku ini sesudah memperhatikannya dari bermacam-macam segi, agak condong berpendapat bahawa Imam Syafi'i Rahimahullah tinggal di Mekah sampai usia 20 tahun dan sesudah itu pindah ke Madinah Al-Mukarramah.

Perbezaan angka ini tidak prinsipal. Yang terang beliau tinggal di Mekah di waktu kecil dan setelah muda remaja pindah ke Madinah.

Selama beliau di Mekah, Imam Syafi'i Rahimahullah berkecimpung dalam menuntut ilmu pengetahuan, khusus yang bertalian dengan Agama Islam sesuai dengan kebiasaan anak-anak kaum Muslimin ketika itu.

Sebagai dimaklumi bahawa dalam sejarah pada abad ke I dan ke II tahun Hijrah, umat Islam boleh dikatakan dalam masa *keemasan*, sedang memuncak membubung tinggi, Agama Islam sudah tersiar luas, ke Barat sampai ke Maroko dan Sepanyol, ke Timur sudah sampai ke Iran, ke Afghanistan, ke India Sela-

tan, ke Indonesia dan ke Tiongkok dan di Afrika sudah hampir pada seluruh daerah.

Pada abad-abad itu yang berkuasa adalah *Khalilifah-khalifah Ar-Rasyidin,* Khalifah-khalifah *Bani Umaiyah* dan Khalifah-khalifah *Bani Abbas,* yang terkenal bukan saja dalam keberanian, tetapi juga dalam memperkembang ilmu pengetahuan.

Dalam masa Khalifah-khalifah *Harun ar Rasyid* (170—193H) dan *Al-Makmum* (198—218H) terkenal sebagai masa yang memuncak tinggi kedudukan ilmu pengetahuan.

Dalam Agama Islam yang sangat dipatuhi orang ketika itu, baik dalam Hadis-hadis Nabi maupun dalam Al-Quran, banyak sekali terdapat petunjuk-petunjuk yang menganjurkan dan mengerahkan rakyat supaya belajar segala macam ilmu pengetahuan, khususnya yang bertalian dengan Agama.

Sesuai dengan ini maka Imam Syafi'i Rahimahullah pada masa mudanya menghabiskan waktunya untuk menuntut ilmu pengetahuan.

Markas-markas ilmu pengetahuan ketika itu adalah di *Mekah,* di *Madinah,* di *Kufah* (*Iraq*), di *Syam* (*Damsyik*) dan di *Mesir.*

Oleh kerana itu seluruh pemuda-pemuda mengidam-idamkan dapat tinggal di salah satu kota itu untuk menuntut, untuk mencari ilmu pengetahuan dari yang rendah sampai yang tinggi.

Imam Syafi'i Rahimahullah belajar membaca Al-Quran kepada *Ismail bin Qustantein.* Dalam usia sembilan tahun Imam Syafi'i telah *menghafal ketiga puluh juzu'nya Al-Quran di luar kepala.*

Catatlah ini, iaitu: *Dalam usia sembilan tahun.*

Imam Syafi'i pada mulanya tertarik dengan prosa dan puisi, syair-syair dan sajak-sajak bahasa Arab kelasik, sehingga beliau sewaktu-waktu datang ke Kabilah-kabilah badui di Padang Pasir, Kabilah Huzel dan lain-lain. Kadang-kadang beliau tinggal lama di kabilah-kabilah itu untuk mempelajari sastera Arab sehingga akhirnya Imam Syafi'i Rahimahullah mahir dalam kesusasteraan Arab kuno, dan beliau menghafal di luar kepala syair dari *Imrun-ul-Quis*, Syair *Zuheir*, Syair *Jarir* dan lain-lain.

Hal ini kemudian ternyata ada baiknya kerana dapat menolong beliau memahamkan Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab yang *fasih*, yang asli dan yang *murni*.

Tersebutlah dalam sejarah yang diceritakan oleh *Mus'ab bin Abdillah Az-Zabiri*, sebagai termaktub dalam kitab "Al-Majmu'" bahawa Imam Syafi'i Rahimahullah pada waktu mudanya hanya tertarik kepada puisi, syair dan sajak bahasa Arab kelasik, tetapi kemudiannya beliau terjun mempelajari *hadis dan fiqih*.

Sebabnya ialah bahawa pada suatu hari ia mengenderai unta. Di belakangnya ada seorang lain, iaitu jurutulis bapa saya, kata Mus'ab.

Muhammad bin Idris ketika itu berdendang dan bernyanyi mendendangkan sebuah syair.

Jurutulis bapa saya mengetuk dengan tongkatnya dari belakang dan menegurnya: "Ah, pemuda seperti kamu menghabiskan kepemudaannya dengan berdendang dan bernyanyi, alangkah baiknya kalau waktu

kepemudaan ini dipakai untuk mempelajari hadis dan fiqih!"

Berkata Mus'ab, bahawa teguran inilah sebab yang menggerakkan hati Imam Syafi'i untuk mempelajari Ilmu hadis dan fiqih dan kemudian beliau datang belajar kepada Mufti Mekah, *Muslim bin Khalid Az-Zanji* dan Ulama hadis *Sofyan bin Uwaniah.* (wafat 198H.).

Inilah di antara guru Imam Syafi'i Rahimahullah dalam ilmu hadis dan fiqih. Selain daripada itu Imam Syafi'i Rahimahullah menceritakan tentang diri beliau begini:

"Saya pada mulanya mempelajari ilmu Nahu (grammar) dan Adab (kesusasteraan), kemudian setelah saya datang kepada *Muslim bin Khalid,* beliau bertanya, "Hai Muhammad, kamu dari mana?"

Jawabku: "Saya orang sini, orang Mekah".

"Dari kampung mana?"

"Dari kampung Khaif".

"Dari kabilah apa?"

"Dari kabilah Abdu Manaf".

"Baqin, baqin (senang, senang sekali), Tuhan telah memuliakan kamu dunia akhirat. Alangkah baiknya kalau kecerdasan kamu itu ditumpukan pada ilmu fiqih, inilah yang baik bagimu".

Ucapan Imam Muslim bin Khalid inilah sebab yang menggerakkan hati saya untuk mempelajari ilmu fiqih sedalam-dalamnya, kata Imam Syafi'i Rahimahullah.

Apakah ilmu fiqih itu?

Fiqih dalam bahasa Arab bererti *pengertian, kefahaman* dan dalam Islam bererti *ilmu pengetahuan tentang hukum syariat Islam sesuai dengan dalilnya satu persatu*, umpama sembahyang hari raya hukumnya sunnat, sesuai dengan hadis itu. Riba hukumnya haram, sesuai dengan firman Tuhan, perkahwinan tanpa wali tidak sah, sesuai dengan hadis Nabi, minum arak haram sesuai dengan Al-Quran dalam surah itu dan lain-lain sebagainya.

Orang yang ahli dalam ilmu fiqih disebut "Faqih", jama'nya "Fuqaha".

Kalau ada seorang Muslim yang sampai darjatnya kepada "Faqih" maka itu satu bukti bahawa Tuhan telah menetapkan dia menjadi orang baik-baik sesuai dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِى الدِّيْنِ.

رواه البخارى ومسلم المجموع صحيفة ١٨

Ertinya: "Barangsiapa yang dikehendaki Allah untuk menjadi orang baik-baik maka ia difaqihkan dalam agama" (hadis riwayat Bukhari dan Muslim), lihat Fatul Bari juzu' I, halaman 173 dan Syarah Muslim juzu' VII, halaman 128).

Erti: "difaqihkan" ialah dipintarkan.

Di samping ilmu fiqih ada lagi *ilmu Usul-fiqih*. Ilmu usul fiqih ialah ilmu untuk mengetahui kaedah-kaedah (pokok-pokok, norma-norma) yang mana dengan kaedah-kaedah itu dapat diistinbatkan (dikeluarkan) hukum-hukum syariat dari dalil-dalilnya. Imam Syafi'i Rahimahullah orang yang mula-mula menciptakan ilmu usul fiqih ini.

Imam Syafi'i ketika usia mudanya di Mekah, mempelajari selain ilmu fiqih juga *ilmu tafsir*, *ilmu hadis* dan *ilmu Mustalah Hadis.*

Apakah yang dikatakan *ilmu tafsir itu?*

Ilmu tafsir ialah *pengetahuan untuk hal ehwal yang bertalian dengan Kitab Suci Al-Quran*, umpama *sebab sebab turunnya* ayat, *erti* dan *makna* ayat dalam bahasa Arab, *maksud* dan *tujuan* ayat itu yang sesuai dengan kehendak Tuhan yang menurunkan ayat, mentakwilkan apa yang patut ditakwilkan, hubungan antara satu ayat dengan yang lain, penafsiran ayat yang satu pada yang lain, mana yang nasakh dan mana yang mansukh, mana ayat yang diturunkan di Mekah dan mana yang diturunkan di Madinah dan lain-lain sebagainya.

Imam Syafi'i Rahimahullah di waktu remajanya mempelajari ilmu tafsir ini.

Apakah itu *ilmu Mustalah Hadis?*

Ilmu Mustalah Hadis ialah ilmu tentang keadaan Hadis, keadaan matan hadis, sanad hadis, orang yang membawa hadis itu dan lain-lain sebagainya yang bertalian dengan hadis.

Orang-orang yang mengetahui ilmu Mustalah Hadis akan mengetahui dengan gampang bahawa hadis itu sahih, hadis ini hasan (baik), hadis ini daif (lemah), hadis itu munqati' (putus si riwayatnya) dan lain-lain sebagainya.

Pendekanya Imam Syafi'i Rahimahullah ketika di Mekah itu mempelajari *ilmu fiqih, ilmu hadis, ilmu mustalah hadis, ilmu tafsir* dan *ilmu tajwid* (pembacaan Al-Quran).

Adalah kenyataan bahawa Imam Syafi'i dalam usia *sembilan tahun* telah menghafal Al-Quran di luar kepala dan dalam usia *sepuluh tahun* sudah menghafal di luar kepala kitab fiqih karangan Imam Maliki yang bernama *Al-Muwatta'*.

Sepanjang sejarah dinyatakan bahawa Imam Syafi'i Rahimahullah membagi malam menjadi tiga bagian, iaitu sepertiga untuk belajar dan mengajar, sepertiga untuk beribadat dan munajat kepada Tuhan dan sepertiga lagi untuk tidur.

Kalau siang hari Imam Syafi'i Rahimahullah bekerja dalam soal-soal ilmu pengetahuan dari pagi sampai waktu dhuhur.

Bekerja dari jam lapan pagi sampai dhuhur sebagai yang dipraktikkan orang sekarang adalah atas petunjuk Imam Syafi'i Rahimahullah pada mula-mulanya.

Dalam usia *lapanbelas tahun* (dalam satu riwayat limabelas tahun) Imam Syafi'i Rahimahullah telah diberi izin oleh gurunya *Muslim bin Khalid Az-Zanji* untuk mengajar pada Masjidil Haram (Masjid Mekah) sehingga mengkagumkan orang-orang haji yang naik haji ke Mekah pada tahun-tahun itu.

4. Kerajinan Imam Syafi'i Rahimahullah

Muhammad bin Idris adalah seorang pemuda yang sangat rajin dalam belajar. Ia belajar dengan sungguh-sunguh dan bertekun.

Sebagai dimaklumi, beliau adalah seorang pelajar yang miskin yang tidak mempunyai harta yang banyak untuk wang belajar. Beliau seorang anak yatim

di mana belanjanya hanya diberi oleh ibunya yang dalam serba kekurangan pula.

Tetapi Imam Syafi'i Rahimahullah mempunyai keyakinan bahawa menuntut ilmu itu tidak tergantung kepada kekayaan, tetapi hanya kepada *kemahuan yang keras*. Anak-anak miskin yang keras hati lebih banyak yang maju dibanding dengan anak-anak yang kaya yang biasanya suka malas.

Beliau mengumpulkan tulang-tulang kambing atau tulang-tulang unta, yang biasanya banyak berserelakan terutama sesudah orang-orang mengerjakan haji di Mina. Beliau mengumpulkan pelepah-pelepah tamar yang kering, beliau mengumpulkan tembikar dan batu-batu yang dapat ditulis dan beliau mengumpulkan kertas-kertas yang dibuang orang-orang kantur yang dapat ditulis lagi.

Beliau mendegar ucapan guru, dikte-dikte guru lalu menuliskan di atas bahan-bahan tadi sambil memperhatikan dan menghafalnya mana yang patut dihafal.

Pada suatu ketika penuh sesaklah kamar beliau dengan benda-benda tulang yang bertulisan itu sehingga tidak dapat lagi beliau meluruskan kakinya ketika melepaskan lelah atau ketika tidur.

Akhirnya beliau memutuskan agar semua tulisan itu dihafal saja di luar kepala dan tulang-tulang itu dikeluarkan dari kamar supaya kamar tidurnya menjadi agak lapang.

Semua yang tertulis dihafalnya di luar kepala dan sesudah itu tulang-tulang dikeluarkan dari kamarnya. Jadi Imam Syafi'i Rahimahullah sedari kecil sudah terlatih dan terdidik dengan menghafal di luar kepala.

"Ilmu itu yang ada dalam dada, bukan yang ada dalam kertas", kata peribahasa. Inilah nampaknya yang diamalkan oleh Imam Syafi'i Rahimahullah.

Maka dengan cara begini tidaklah hairan kalau Imam Syafi'i Rahimahullah dalam usia sembilan tahun sudah menghafal Al-Quran di luar kepala, dan dalam usia sepuluh tahun sudah menghafal kitab "Al-Muwatta' ", karangan Imam Malik, di luar kepala.

Begitulah kecerdasan dan ketajaman otak Imam Syafi'i Rahimahullah.

Dan begitulah Imam Syafi'i Rahimahullah belajar sedari kecil sampai remaja, sampai dewasa berusia dua puluh tahun, di mana beliau sesudah itu pindah dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah.

5. Mencari Ilmu ke Madinah

Pada seperempat terakhir dari abad ke IIH. kota Madinah sedang gilang-gemilang dalam ilmu pengetahuan, kerana di sana banyak menetap Ulama-ulama Tabi'in (orang yang berjumpa dengan sahabat Nabi) dan ulama-ulama Tabi'in-tabi'in (orang yang berjumpa dengan orang yang berjumpa dengan sahabat Nabi).

Di tengah-tengah ulama-ulama yang banyak itu ada seorang yang menonjol yang menjadi bintangnya, iaitu seorang ulama yang terkenal dengan gelaran jolokan "Imam Darul-Hijrah" (Imam negeri tempat Nabi berpindah), iaitu Imam Malik bin Anas, pembangun Mazhab Maliki.

Imam Malik bin Anas lahir tahun 93H, iaitu 57 tahun lebih tua dari Imam Syafi'i Rahimahullah dan

wafat pada tahun 179H, 25 tahun terdahulu dari Imam Syafi'i Rahimahullah.

Sepanjang riwayat Imam Malik bin Anas ini adalah seorang ulama yang bersungguh-sungguh mengumpulkan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. Beliau kumpulkan dan beliau hafal sebanyak 100,000 hadis dalam masa empat puluh tahun.

Ibnu Qudamah mengatakan bahawa Imam Malik bin Anas adalah seorang "Hafaz" (penghafal) hadis nombor satu pada zamannya itu dan tidak ada seorang pun yang menandingi beliau dalam soal penghafalan hadis itu.

Hadis-hadis yang 100,000 banyaknya itu beliau teliti satu persatu, beliau lihat sirawi yang membawa hadis-hadis, beliau cocokkan dengan kitab suci Al-Quran tentang erti tujuannya.

Pada akhirnya hadis yang 100,000 itu beliau pilih sehingga yang tinggal hanya 5,000 buah yang beliau anggap sangat sahihnya.

Hadis yang 5,000 inilah yang beliau kumpulkan dalam satu kitab yang berbentuk kitab fiqih sekarang, yang diberi nama "Al-Muwatta' ".

"Al-Muwatta' " ertinya: "yang disepakati".

Imam Malik bin Anas menamai kitabnya dengan Al-Muwatta' (yang disepakati) kerana beliau telah memperlihatkan kitab itu kepada tujuh puluh orang Ulama-ulama fiqih di Madinah yang mana kesemua Ulama itu menyetujuinya.

Imam Syafi'i Rahimahullah seorang yang mengkagumi Imam Malik bin Anas dan pula seorang yang mengasihi kitab Al-Muwatta' sehingga kitab itu diha-

fal di luar kepala pada ketika beliau masih berumur sepuluh tahun.

Sungguhpun kitab Al-Muwatta' sudah hafal di luar kepala, tetapi keinginan Imam Syafi'i Rahimahullah untuk datang belajar kepada pengarangnya makin berkobar. Beliau ingin mengambil ilmu Imam Malik dari mulut ke mulut, yakni berhadap-hadapan.

Maka beliau minta izin kepada gurunya Muslim bin Khalid Az-Zanji untuk pergi ke Madinah menjumpai Imam Malik dan belajar dengan beliau. Imam Syafi'i Rahimahullah berangkat ke Madinah pada tahun 170H. dengan menumpang kenderaan unta, delapan hari delapan malam lamanya dengan membawa sepucuk surat dari gurunya Muslim bin Khalid yang ditujukan kepada Imam Malik bin Anas.

Selain itu Imam Syafi'i Rahimahullah membawa surat pula dari Wali Mekah (semacam Gabenur) kepada Wali Madinah di mana Wali Mekah minta agar kiranya Wali Kota Madinah memperkenalkan Imam Syafi'i Rahimahullah kepada Imam Malik bin Anas.

Selama lapan hari lapan malam perjalanan antara Mekah dan Madinah dengan unta, Imam Syafi'i Rahimahullah membaca Al-Quran sebanyak enambelas kali tamat, dengan menamatkannya sekhatam siang dan sekhatam malam.

Sesampainya di Madinah beliau langsung menemui Imam Malik bersama-sama dengan Wali Kota Madinah.

Imam Malik setelah menerima surat dari Wali Mekah yang dialamatkan kepadanya, menyindir dengan

mengatakan: "Subhanallah!" "Kok menuntut ilmu Rasulullah pakai perantara?".

"Wali Kota Madinah mempersilakan Imam Syafi'i berkata-kata. Mudah-mudahan tuan dikurniai Allah, kata Imam Syafi'i Rahimahullah. Saya ini dari kaum Muttalib, datang ke mari dari Mekah untuk menuntut ilmu dari tuan guru kerana saya sudah lama mendengar nama tuan guru dan sudah lama mengetahui ilmu tuan guru, tetapi sekarang hendak mendengar dengan telinga sendiri pengajaran-pengajaran dari tuan guru".

Sesudah Imam Malik memperhatikan Imam Syafi'i seketika, lantas beliau berkata: "Siapa namamu?"

Imam Syafi'i menjawab: "Muhammad bin Idris".

Imam Malik menyambung: "Hai Muhammad, bertaqwalah kepada Tuhan dan jauhi sekalian kedurhakaan. Saya melihat padamu akan terjadi apa-apa".

"Baiklah, kata Imam Malik. Besok datanglah lagi dan akan saya suruh orang membacakan Al-Muwatta' kepadamu".

Jawab Imam Syafi'i: "Tak perlu dicarikan orang lain kerana saya sudah menghafal di luar kepala Kitab Al-Muwatta' itu".

Imam Malik menjawab: "Kalau begitu keadaannya, cubalah baca".

Imam Syafi'i Rahimahullah lantas membaca Kitab Al-Muwatta' yang didengar oleh Imam Malik dengan seksama dan di sana sini membetulkan pembacaan-pembacaan Imam Syafi'i yang lancar itu.

Sesungguhnya Imam Malik sangat kagum melihat pemuda ini, kerana masih dalam usia muda remaja sudah mendalam ilmunya, sudah mahir dalam erti ayat-ayat suci dan hadis-hadis Nabi dan kaedah-kaedah bahasa Arab.

Kemudian Imam Syafi'i Rahimahullah tetap setiap hari mendatangi halakah tempat Imam Malik mengajar di masjid Madinah di mana beliau bersama-sama pelajar-pelajar lain yang terdiri dari Ulama-ulama besar dari seluruh penjuru mendengar dan mencatat pengajian-pengajian yang diberikan oleh Imam Malik, seorang *Ulama Besar* dan *Imam Mujtahid* yang jarang tandingannya.

Akhirnya Imam Syafi'i Rahimahullah mendapat kepercayaan besar dari Imam Malik dan lantas diundang menginap di rumahnya dan setiap hari datang ke masjid bersama-sama sebagai pembantunya dalam mengajarkan Kitab Al-Muwatta' dan lain-lain.

Imam Malik membacakan kitabnya kepada murid-murid dan sesudah itu Imam Syafi'i Rahimahullah (yang ketika itu belum berpangkat Imam Mujtahid) membantu Imam Malik mendiktekan (mengimlakkan) kitab karangan Imam Malik itu kepada sekalian mahasiswanya.

Ada kira-kira setahun Imam Syafi'i Rahimahullah tidak bercerai dengan Imam Malik, selalu dengan beliau sebagai murid dan sebagai pembantu.

Dengan cara begitu Imam Syafi'i Rahimahullah mendapat kenalan banyak dari Ulama-ulama yang datang ke Madinah sesudah menunaikan ibadah haji dan datang belajar kepada Imam Malik.

Di antara orang-orang yang berkenalan dengan Imam Syafi'i Rahimahullah ketika itu adalah *Abdullah bin Al-Hakam* dari Mesir (Cairo), yang kemudian di waktu Imam Syafi'i Rahimahullah datang ke Mesir, beliau mendapat ke rumah Abdullah bin Al-Hakam ini. Juga Imam Syafi'i Rahimahullah berkenalan dengan *Asyhab Ibnu Qasim* dan *Al-Laith bin Saad,* iaitu ulama-ulama Mesir yang berkunjung ke Madinah yang telah mendengar Imam Syafi'i mendiktekan kitab Al-Muwatta'.

Dan juga Imam Syafi'i Rahimahullah berkenalan dengan Ulama-ulama Iraq yang berkunjung ke Madinah sesudah menunaikan ibadah haji. Banyak sekali di antara mereka yang datang mengunjungi halakah Imam Malik dan mendengar imlak dari Imam Syafi'i Rahimahullah yang bijak itu.

Pada ketika itulah Muhammad bin Idris mendengar bahawa di Baghdad dan Kufah banyak sekali terdapat ulama-ulama murid dari Imam Abu Hanifah (pembangun dari Mazhab Hanafi), sehingga tertarik hati beliau hendak mengunjungi *Iraq* dan *Mesir.*

6. Berkunjung ke Baghdad dan lain-lain

Setelah dua tahun di Madinah yakni dalam usia dua puluh dua tahun, Imam Syafi'i Rahimahullah berangkat ke Iraq (Kufah dan Baghdad), di mana beliau bermaksud selain menambah ilmu dalam soal-soal kehidupan bangsa-bangsa juga untuk menemui ulama-ulama ahli hadis atau ahli fiqih yang bertebaran pada ketika itu di Iraq dan Persia (Iran).

Sebagai dimaklumi Kota Kufah pada ketika itu

adalah ibu kota tempat kedudukan Khalifah-khalifah *Abu Jaafar Al-Mansyur* dan penggantinya Khalifah *Harun Ar-Rasyid* yang terkenal, di mana Baghdad adalah pusat ilmu pengetahuan, baik pengetahuan yang datang dari Barat atau yang datang dari Timur. Memang Iraq pada zaman Harun Ar-Rasyid dianggap sebagai negeri tempat ilmu pengetahuan memancar ke seluruh penjuru dunia sebagai yang diterangkan di atas.

Perjalanan antara Madinah dan Iraq dilakukan dengan mengenderai unta selama dua puluh empat hari. Jauh juga.

Tapi Imam Syafi'i Rahimahullah mendapat bekal dari gurunya Imam Malik sebanyak lima puluh dinar emas, cukup untuk belanja dan untuk menginap di situ beberapa waktu lamanya kerana wang kenderaan dari Madinah ke Iraq hanya empat dinar (emas).

Sampai di Kufah beliau menemui ulama-ulama sahabat almarhum Imam Abu Hanifah, iaitu guru besar *Abu Yusuf* dan *Muhammad bin Hasan* di mana Imam Syafi'i Rahimahullah acapkali bertukar fikiran dan beri-memberi dengan beliau-beliau ini dalam soal-soal ilmu pengetahuan agama.

Dalam kesempatan ini Imam Syafi'i Rahimahullah dapat mengetahui bezanya dari cara-cara dan aliran-aliran atau cara-cara fiqih dalam Mazhab Hanafi yang agak jauh bezanya dari cara-cara dan aliran fiqih dalam Mazhab Maliki.

Imam Hanafi dan Imam Maliki hampir bersamaan zamannya, kerana Imam Hanafi dilahirkan tahun 81H, meninggal 150H. Sedang Imam Maliki dilahirkan tahun 93H. dan meninggal 179H.

Tetapi walaupun bersamaan zaman, namun aliran mazhab masing-masing berbeza.

Mazhab Imam Maliki di Madinah berpendapat bahawa kalau dalam *Al-Quran* tidak terdapat hukum agama, maka *hadis* Nabilah yang menjadi sandaran hukum, sekalipun hadis Nabi itu Mutawatir (banyak yang merawikan), *Uhad* (satu jalan saja yang merawikan), Sahih atau Hasan.

Tetapi Mazhab Hanafi di Iraq berpendapat bahawa kalau dalam *Al-Quran* tidak terdapat hukum sesuatu yang terjadi maka yang boleh dijadikan sandaran hukum lagi hanya *hadis* yang mutawatir saja. Kalau tidak ada hadis yang mutawatir, langsung pindah pada *'ijtihad'* yakni pendapat Imam *Mujtahid*.

Maka kerana itu golongan Imam Maliki dinamai golongan *"Ahli Hadis"* dan golongan Imam Hanafi dinamai *"Ahli Ra'yi"* (Ahli pendapat).

Imam Syafi'i Rahimahullah ketika itu dapat mendalami dan menganalisa cara-cara yang dipakai oleh kedua Imam itu.

Beliau tidak lama di Iraq ketika itu dan terus mengembara ke *Persi*, sampai ke *Anadholi* (Turki), terus ke Ramlah (*Palestina*) di mana beliau dalam perjalanan mencari dan menjumpai ulama-ulama baik Tabi'in atau Tabi'-tabi'in.

Pada kesempatan mengembara ini beliau mengetahui adat istiadat bangsa-bangsa selain bangsa Arab, kerana Persia dan Anadholi tidak bangsa Arab lagi.

Hal ini nantinya menolong beliau dalam membangun fatwanya dalam Mazhab Syafi'i.

7. Kembali ke Madinah

Sesudah dua tahun mengembara meninjau antara Baghdad, Persia, Turki dan Palestina, Imam Syafi'i Rahimahullah kembali ke Madinah dan kembali kepada guru besarnya iaitu Imam Malik, Malik bin Anas.

Imam Maliki bertambah kagum dengan ilmu Imam Syafi'i Rahimahullah dan bahkan sudah ada pertanda dari Imam Maliki bahawa ilmu Imam Syafi'i sudah melebihi ilmunya.

Imam Maliki memberi izin kepada Imam Syafi'i Rahimahullah untuk memberi fatwa sendiri dalam ilmu fiqih, ertinya tidak berfatwa atas dasar aliran Imam Maliki dan juga tidak atas dasar aliran Imam Hanafi, tetapi berfatwa atas dasar mazhab sendiri.

Imam Syafi'i Rahimahullah tinggal dengan Imam Maliki sampai tahun 179H, sampai pada ketika Imam Malik meninggal dunia.

Imam Syafi'i Rahimahullah belajar dengan Imam Maliki selama tujuh tahun iaitu pada tahun 170H. — 172H. dan dari tahun 174H. — 179H.

8. Menjadi Mufti ke Yaman

Setelah gurunya (Imam Malik) berpulang ke rahmatullah Imam Syafi'i Rahimahullah pergi ke Yaman.

Perjalanan ke Yaman ini sepanjang riwayat ialah, bahawa Wali (semacam gabenur) Yaman datang ke kota Madinah untuk berziarah ke makam Nabi Muhammad s.a.w. Ia mendengar dari orang Madinah,

tentang kecekapan dan kepintaran Imam Syafi'i Rahimahullah.

Wali negeri Yaman ini tertarik kepada Imam Syafi'i Rahimahullah, sehingga diusahakannya berjumpa dengan beliau.

Kemudian dapatlah kata sepakat antara keduanya, bahawa Imam Syafi'i Rahimahullah akan dibawa ke Yaman, diangkat sebagai sekretaris Negara, sambil mengajar dan menjadi *Mufti.*

"Mufti" ertinya berfatwa tentang hukum-hukum agama.

Nama Muhammad bin Idris Asy-Syafi'i menjadi masyhur di negeri Yaman dan sekitarnya, banyaklah orang memujinya kerana kecekapan dan kepintaran beliau.

Tetapi, sungguhpun beliau sudah alim besar, sudah disegani oleh segala pihak, namun beliau tidak segan-segan untuk belajar apabila melihat ada guru agama yang lebih pintar daripadanya, yang dikiranya dapat menambah ilmunya.

Di Yaman beliau belajar kepada *Syeikh Yahya bin Husein*, seorang ulama besar di kota San'a ketika itu.

Pada ketika beliau di Yaman itu beliau diangkat pula menjadi Wali daerah Najran, sebagai Kepala Daerah.

Pada ketika menjadi Wali daerah Najran itu beliau disayangi oleh rakyat kerana adil dan pemurahnya.

Pekerjaan ini tidak lama dijabat oleh beliau, ke-

rana tidak sesuai dengan bakatnya. Beliau lebih banyak condong kepada ilmu dari kepada siasah.

Imam Syafi'i Rahimahullah kahwin di Yaman dengan seorang puteri, namanya *Hamidah binti Nafi'i* seorang puteri keturunan Saidina Uthman bin Affan, Sahabat dan Khalifah Nabi yang ke III.

Usia beliau sewaktu kahwin ini lebih-kurang tiga puluh tahun.

Dari perkahwinan ini beliau mendapat tiga orang anak, seorang laki-laki dan dua orang wanita.

Anak beliau yang laki-laki ini bernama Muhammad bin Syafi'i kemudian menjadi ulama besar pula dan menjadi kadi di Jazirah (wafat 240H).

9. Imam Syafi'i Rahimahullah ditangkap

Imam Syafi'i Rahimahullah ketika di Yaman ini sudah menjadi orang besar.

Beliau disayangi oleh Wali Negeri dan diangkat menjadi "Katib-Daulah" (Sekretaris Negara) di samping beliau menjadi Mufti dan guru agama di masjid-masjid, bertabligh di mana-mana sehingga masyhur namanya.

Telah menjadi kebiasaan di dunia yang fana ini bahawa setiap orang yang mendapat nikmat, ada saja orang yang dengki dan yang berniat jahat untuk menjatuhkannya.

Beliau difitnah kepada *Khalifah Harun Ar-Rasyid*, yang ketika itu berkedudukan di Baghdad (Iraq) dikatakan bahawa Imam Syafi'i Rahimahullah mengembangkan *faham syi'ah* di Yaman dan masuk go-

longan partai syi'ah yang sangat membenci *Khalifah Harun Ar-Rasyid*, khalifah *Abbasiyah* itu.

Memang dalam sejarah Islam tercatat bagaimana permusuhan yang mendalam antara orang-orang *Syi-'ah* yang katanya pengikut *Saidina Ali Rza*, dengan orang-orang *Bani Umaiyah* dan *Bani Abbas*.

Ya, pada mulanya pembangunan Dinasti Abbasiyah ditolong oleh orang-orang Syi'ah untuk melawan Bani Umaiyah akan tetapi kemudian ternyata bahawa orang-orang Syi'ah tidak senang hati pula pada orang-orang Bani Abbas itu.

Khalifah Harun Ar-Rasyid selalu dirong-rong oleh partai Syi'ah, yang kebetulan banyak bertebar di Yaman ketika itu. Oleh kerana itu Khalifah Harun Ar-Rasyid selalu curiga kepada Ulama-ulama di Yaman yang dianggapnya mengembangkan faham Syi'ah yang menentangnya.

Disebabkan fitnah dari orang-orang yang dengki terhadap Imam Syafi'i maka beliau ditangkap bersa-ma-sama kaum Syi'ah dan digolongkan kepada orang-orang Syi'ah lalu dibawa ke Baghdad untuk diadili oleh Khalifah Harun Ar-Rasyid, dengan rantai besi pada kaki dan tangannya.

Inilah imtihan (ujian iman) bagi Imam Syafi'i Rahimahullah. Memang orang-orang yang beriman itu banyak mendapat cubaan-cubaan iman. Banyak di antara rombongan Syi'ah itu yang dijatuhi hukuman mati oleh Khalifah, tetapi ketika sampai pertanyaan kepada Imam Syafi'i Rahimahullah maka terjadilah dialog (percakapan) antara Khalifah dengan Imam Syafi'i Rahimahullah.

Dengan merangkak kerana kedua kakinya dibelenggu, Imam Syafi'i masuk ke majlis Harun Ar-Rasyid dan berkata: "Assalamu 'alaikum wabarakatuh" (Selamat atasmu dan berkatNya). Imam Syafi'i tidak mengucapkan *warahmatullahi* (dan rahmat Tuhan).

Khalifah Harun Ar-Rasyid menjawab: " 'Alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh" (Selamat atasmu, rahmat Tuhan dan berkatNya).

Harun Ar-Rasyid agak hairan melihat ketenangan Imam Syafi'i Rahimahullah kerana tidak gelisah sedikit pun, pada hal kawan-kawannya yang sama-sama ditangkap sudah dijatuhi hukuman mati.

Khalifah Harun Ar-Rasyid bertanya: "Kenapa kamu berbicara dalam sidang ini tanpa izin saya, sehingga saya terpaksa menjawabnya?"

(Perlu diketahui bahawa mengucapkan salam hukumnya sunnat, sedang menjawab hukumnya wajib).

Imam Syafi'i Rahimahullah membacakan firman Tuhan:

وَعَدَ اللّٰهُ الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصّٰلِحٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى
الْاَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِيْنَهُمُ الَّذِى
ارْتَضٰى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ اَمْنًا يَعْبُدُوْنَنِىْ لَا يُشْرِكُوْنَ
بِىْ شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذٰلِكَ فَاُولٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُوْنَ. النور ٥٥

Ertinya: "Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman yang beramal salih, bahawa Ia akan menjadikan mereka Khalifah di bumi sebagaimana Ia telah jadikan Khalifah-khalifah yang sebelum

mereka dan Ia akan tetapkan bagi mereka agama yang Ia redhai untuk mereka. Dan Ia akan mengganti ketakutan dengan keamanan. Mereka menyembahKu dan tidak mempersekutukan Aku sedikit pun". (An-Nur: 55).

Lalu Imam Syafi'i meneruskan ucapannya:

"Tuhan apabila berjanji, menepati janjiNya dan kini Ia telah mengangkat Tuanku menjadi Khalifah di bumiNya yang luas ini. Tuanku telah memberikan keamanan kepada saya sesudah saya dalam ketakutan, kerana Tuanku menjawab salam saya dengan ucapan *Warahmatullahi*, (dan rahmat Tuhan untuk saya).

Dengan begitu Tuanku telah memberikan rahmat Tuhan kepada saya dengan kemurahan hati Tuanku".

Khalifah Harun Ar-Rasyid tergerak hatinya mendengar ucapan yang lantang dan fasih dari Imam Syafi'i yang kelihatannya tak sedikit juga takut dan gentar.

Lantas Khalifah Harun Ar-Rasyid berkata: "Bukankah engkau yang mengepalai komplotan pemberontak untuk menentangku, bukankah engkau bersekongkol dengan *Abdullah bin Hasan* untuk menentang aku, bukankah engkau orang yang sudah terang salahnya, bagaimana, bagaimana?"

Imam Syafi'i menjawab:

"Saya akan menerangkan pula isi dada saya sebaik-baiknya untuk mencari keadilan dan kebenaran. Tetapi dapatkah orang melahirkan perasaannya dengan seksama kalau kaki dan tangannya dirantai dengan besi berat ini? Saya minta agar rantai-kaki dari

tangan saya dibuka dan memperkenankan duduk sewajarnya. Dan puji-pujian kepada Allah yang kaya".

Khalifah Harun Ar-Rasyid terbuka hatinya dan memerintahkan ketika itu juga kepada petugasnya untuk membuka rantai-besi yang melingkari kaki dan tangan Imam Syafi'i Rahimahullah.

Imam Syafi'i Rahimahullah berkata:

Tuhan berfirman begini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ . الحجرات ٦

Ertinya: "Hai orang-orang beriman, kalau datang kepadamu orang-orang fasiq (jahat) membawa berita, periksalah dengan seksama supaya kamu jangan sampai mencelakakan orang tanpa diketahui, kemudian kamu menyesal atas perbuatanmu itu". (Al-Hujarat: 6).

"Saya berselindung kepada Allah, bahawa saya adalah itu laki-laki yang disampaikan kepada Tuanku, bohong sekali orang yang menyampaikan kepada Tuanku. Saya mempunyai dua pertalian dengan Tuan Khalifah, iaitu sama-sama beragama Islam dan sama-sama satu keturunan. Tuanku adalah seorang yang harus berpegang kepada Kitabullah. Tuanku anak paman Rasulullah yang harus melindungi agamanya".

Mendengar ucapan-ucapan Imam Syafi'i yang diucapkan dengan lancar ini, Khalifah Harun Ar-Rasyid tiba-tiba jadi gembira, lalu berkata:

"Tenanglah-tenangkanlah fikiranmu. Saya meng-

hargai ilmumu dan juga menghargai pertalian darah kita".

Lalu Khalifah berkata lagi: "Bagaimana keadaan ilmu kamu dengan Kitabullah 'azza wajalla, di sanalah kita mulai bicara".

Imam Syafi'i Rahimahullah menjawab: "Kitab suci yang mana Tuan Khalifah tanyakan, kerana kitab suci yang diturunkan banyak sekali".

Khalifah menjawab: "Baiklah, saya bertanya tentang kitab suci yang diturunkan kepada anak paman saya, *Muhammad Rasulullah s.a.w.*".

Imam Syafi'i Rahimahullah menjawab: "Ilmu yang terkandung dalam Al-Quran itu banyak sekali, yang manakah yang Tuanku tanyakan? Ada ilmu ayat-ayat mutasyabihat dan ayat muhakkamat, ada ilmu ayat-ayat taqdim dan ta'khir, ada ilmu tentang Nasakh dan Mansukh, ada ilmu ini dan ada ilmu itu".

Kemudian Khalifah terpesona dan lantas menukar haluan, bukan lagi bertanya soal-soal agama tetapi berpindah kepada soal-soal ilmu falak, ilmu kedoktoran, ilmu firasat dan lain-lain yang kesemuanya dijawab oleh Imam Syafi'i Rahimahullah dengan sangat memuaskan Khalifah Harun Ar-Rasyid.

Lantas Khalifah berkata:

"Dantanglah engkau sewaktu-waktu untuk mengajar saya!"

Dengan begitu bebaslah Imam Syafi'i Rahimahullah dari tuduhan, dan kecewalah tukang-tukang fitnah yang memfitnah beliau.

Inilah kedatangan Imam Syafi'i Rahimahullah yang kedua ke Iraq (Kufah atau Baghdad) yang ter-

jadi pada tahun 184H., yakni dalam usia tiga puluh empat tahun.

10. Pulang ke Mekah (Hijaz)

Tidak lama sesudah beliau bebas maka Imam Syafi'i Rahimahullah kembali ke kampung asalnya iaitu *Mekah Al-Mukarramah,* sesudah ditinggalkannya lebih-kurang sebelas tahun.

Ia disambut oleh Ulama dan rakyat Mekah kerana kemasyhurannya. Sudah lama beliau di Mekah masih mendapat sambutan akibat banyaknya orang haji yang pulang balik antara Madinah dan Mekah dan antara Mekah dengan Kufah (Iraq).

Beliau membuat rumah tempat tinggal di luar kota Mekah di suatu tempat yang memungkinkan dapat didatangi oleh banyak pelajar-pelajar yang menuntut ilmu kepada beliau.

Lebih-kurang selama tujuhbelas tahun beliau di Mekah menaburkan ilmu-ilmu agama kepada kaum Muslimin yang setiap tahun datang ke Mekah untuk ibadat haji. Kerana itu nama Imam Syafi'i Rahimahullah masyhur ke seluruh dunia Islam kerana setiap orang haji yang datang ke Mekah, membawa khabar-khabar pulang ke kampungnya tentang kealiman Imam Syafi'i.

Tetapi pada ketika itu beliau masih merasa belum sampai kepada darjatnya Imam Mujtahid Mutlak (Mujtahid Penuh), sehingga fatwa-fatwa beliau adalah berdasarkan fatwa guru-gurunya yang didapatinya di Mekah, Madinah dan Iraq.

11. Ke Iraq yang ketiga kali

Di Mekah sudah didengar khabar wafatnya Khalifah Harun Ar-Rasyid telah wafat dan telah diganti dengan *Khalifah Al-Amin* dan sesudah itu *Al-Ma'mun.*

Begitu juga telah meninggal guru-guru Imam Syafi'i Rahimahullah di Iraq, iaitu Abu Yusuf pada tahun 182H. dan Muhammad bin Hasan pada tahun 188H.

Hati Imam Syafi'i tergerak kembali hendak datang ke Baghdad, Ibu kota dan Pusat Kerajaan Umat Islam ketika itu, kerana di situ duduknya Khalifah, Amirul Mu'minin.

Beliau tidak lama di Iraq pada kali ini, tetapi pada kesempatan ini beliau membuat sejarah, iaitu membentuk mazhab tersendiri yang kemudian dinamakan "MAZHAB SYAFI'I".

12. Mazhab Syafi'i yang pertama

Abu Abdillah Muhammad bin Idris Asy-Syafi'i ini setelah ilmunya tinggi dan fahamnya begitu dalam dan tajam, timbullah inspirasinya untuk berfatwa sendiri mengeluarkan hukum-hukum dari Quran dan Hadis sesuai dengan "ijtihad"nya sendiri, terlepas dari fatwa-fatwa gurunya Imam Maliki dan Ulama-ulama Hanafi di Iraq.

Hal ini terjadi pada tahun 198H, iaitu sesudah usia beliau *empat puluh lapan tahun* dan sesudah melalui masa belajar lebih-kurang *empat puluh tahun.*

Beliau telah menghafal Al-Quran dan berpuluh ribu hadis di luar kepala dan juga telah mendalami

tafsir dari ayat suci dan makna hadis-hadis serta pendapat Ulama yang terdahulu.

Beliau berfatwa dengan lisan menurut ijtihadnya (pendapat) sendiri dan juga mengarangkan kitab-kitab yang berisikan pendapat-pendapatnya itu.

Mula-mula beliau mengarang di Iraq kitab "Ar-Risalah", kitab *Usul Fiqih* yang pertama di dunia, yakni suatu ilmu yang dijadikan pedoman dalam menggali hukum-hukum fiqhi dari kitab suci Al-Quran dan dari hadis-hadis Nabi.

Harus dimaklumi bahawa sekalian fatwa-fatwa dengan lisan dan tulisan pada ketika Imam Syafi'i di Iraq ini dinamakan "Al-Qaulul Qadim" (Fatwa-lama) sedang fatwa-fatwa yang dikeluarkan sesudah beliau pindah ke Mesir dinamakan "Al-Qaulul Jadid" (Fatwa baru).

Barangsiapa yang mempelajari kitab-kitab Imam Syafi'i Rahimahullah atau kitab-kitab Syafi'iyah dewasa ini, akan berjumpa dengan tulisan-tulisan Al-Qaulul Qadim dan Al-Qaulul Jadid itu.

13. Pindah ke Mesir

Pada bulan Syawwal tahun 198H. itu juga Imam Syafi'i pindah ke Mesir. Kebetulan saja bahawa Khalifah Al-Ma'mun mengangkat Abbas bin Musa menjadi Wali (Gabenur) Mesir dan mengirimnya ke Mesir. Imam Syafi'i menumpang dalam kafilah Wali Mesir itu, kerana Imam Syafi'i Rahimahullah adalah salah seorang Ulama yang dihormati, bukan saja oleh rakyat Iraq tetapi juga oleh Khalifah Al-Ma'mun sendiri.

Ketika beliau akan berangkat dari Iraq ke Mesir, banyaklah datang sahabat-sahabatnya untuk mengucapkan selamat jalan, di antaranya adalah muridnya yang terkenal dan kemudian dikenal dengan nama Ahmad bin Hanbal (Pembangun Mazhab Hanbali).

Pada ketika Imam Syafi'i bersalaman dengan Ahmad bin Hanbal, beliau membaca sebuah syair; begini :

لقد أصبحت نفسي تتوق إلى مصر * ومن دونها أرض المهامة والقفر
ووالله لا أدري أللعز والغنى * أساق إليها أم أساق إلى القبر

Ertinya : Saya rindu pergi ke Mesir,
Untuk melihat sungai dan pasir,
untuk kebesaran atau kekayaan,
atau ini makam perkuburan".

Rupanya Imam Syafi'i Rahimahullah sudah merasa bahawa ia akan wafat dan bermakam buat selama-lamanya di Mesir.

Abbas bin Musa, Gabenur Mesir meminta agar Imam Syafi'i menginap di rumahnya, tetapi Imam Syafi'i Rahimahullah menolak kerana ia ingin tinggal dengan seorang Ulama Mesir, namanya *Abdullah bin Al-Hakam* seorang Ulama yang pernah menjadi muridnya di Madinah pada ketika Imam Syafi'i mendiktekan kitab Al-Muwatta' atas nama Imam Maliki.

Beliau tinggal di rumah Abdullah bin Al-Hakam sampai tahun 204H.

14. Imam Syafi'i suka mengembara, terutama untuk mencari ilmu pengetahuan

Dari riwayat Imam Syafi'i Rahimahullah ternyata bahawa beliau adalah seorang yang suka mengembara, pindah dari satu negeri ke negeri lain, terutama dalam hal mencari ilmu pengetahuan.

Beliau lahir di Gazza, pergi ke Mekah, pindah ke Madinah, pindah ke Yaman, pindah lagi ke Baghdad sampai ke Syam pindah ke Mekah, pindah lagi ke Baghdad dan akhirnya pindah lagi ke Mesir, wafat dan bermakam di Mesir.

Imam Syafi'i Rahimahullah bukan saja mempraktikkan pindah-pindah tempat itu, tetapi juga beliau menganjurkan, kiranya rakyat menggembirakan pengembaraan dan perjalanan keliling, khususnya dalam mencari ilmu pengetahuan.

Beliau pernah berkata dalam sebuah syair, begini :

ما في المقام لذي عقل وذي أدب * من راحة فدع الأوطان واغترب
سافر تجد عوضا عمن تفارقه * وانصب فإن لذيذ العيش في النصب
إني رأيت وقوف الماء يفسده * إن سال طاب وإن لم يجر لم يطب
والأسد لولا فراق الغاب ما افترست * والسهم لولا فراق القوس لم يصب
والشمس لو وقفت في الفلك دائمة * لملها الناس من عجم ومن عرب
والتبر كالترب ملقى في أماكنه * والعود في أرضه نوع من الحطب
فإن تغرب هذا عز مطلبه * وإن تغرب ذاك عز كالذهب

Ertinya secara terjemahan bebas, adalah:

* Adalah tidak enak bagi cerdik-pandai untuk tinggal tetap di suatu tempat. Oleh kerana itu tinggallah tanahair dan mengembaralah!
* Musafirlah! Engkau akan mendapat sahabat-sahabat pengganti sahabat-sahabat yang ditinggalkan.
* Bekerja keraslah, kerana kelazatan hidup adalah dalam bekerja keras.
* Saya berpendapat bahawa air kalau tetap di suatu tempat, ia akan busuk. Kalau ia mengalir barulah ia bersih, dan kalau tidak mengalir akan menjadi kotor.
* Singa kalau tidak keluar dari sarangnya, ia tàk akan dapat makan.
* Anak panah kalau tak meluncur dari busurnya, ia tak akan mengena.
* Matahari pun kalau tetap nescaya seluruh manusia akan marah kepadanya.
* Tibir (bahan baku emas) adalah seperti tanah saja ketika ia masih terguling di tempatnya.
* Kayu harum pada ketika di rimba, sama saja dengan kayu yang lain.
* Kalau yang ini (kayu harum) keluar dari rimba, sukar sekali mendapatnya, dan itu (tibir) kalau keluar dari tempatnya sudah berharga seperti emas.

Demikianlah sebuah syair dari Imam Syafi'i yang menganjurkan kepada pengikutnya supaya menyukai

pengembaraan, terutama untuk mencari ilmu pengetahuan.

15. Meninggal dunia dalam usia 54 tahun

Setelah enam tahun tinggal di Mesir mengembangkan mazhabnya dengan lisan dan tulisan dan sesudah mengarangkan kitab Ar-Risalah lagi (dalam usul Fiqih) dan sesudah mengarangkan kitab-kitab beliau yang banyak sekali, maka beliau meninggal dunia pulang ke rahmatullah ke dalam syurgaNya, Jannatun Na'im.

Berkata Rabi' bin Sulaiman (murid Imam Syafi'i): "Imam Syafi'i Rahimahullah berpulang ke rahmatullah sesudah sembahyang maghrib, petang Khamis malam Jumaat, akhir haribulan Rajab dan kami makamkan beliau pada hari Jumaat. Petangnya kami lihat hilal bulan Sya'aban 204H.

Dalam tarikh Masihi bersetuju dengan 28 Jun, 819 M.

Raja Mesir ketika itu turut menyembahyangkan jenazah beliau.

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ.